



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PELAJARAN UGAMA (G.13)
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI PELAJARAN UGAMA
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
G.13 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Bahasa Al-Quran / Bahasa Arab / Pendidikan Islam / Pengajian Islam / Syariah / Usuluddin atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi yang tidak mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan adalah dikehendaki untuk menjalani latihan dalam bidang Pendidikan / Perguruan bagi mendapatkan seperti kursus Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan dalam tempoh tiga (03) tahun dari tarikh dilantik jawatan ini.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Sebagai tenaga pengajar di mana-mana persekolahan Arab, Ugama, Sekolah Umum (Pendidikan Islam), Pelajaran Lanjutan dan Pendidikan Khas;
2. Bertanggungjawab untuk merancang dan menyediakan rancangan pengajaran harian, mingguan dan tahunan yang bersistematik;
3. Melaksanakan inovasi pendidikan yang dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah;
4. Merancang dan memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan efisien;
5. Menganalisis keputusan peperiksaan dan penilaian pelajar serta merancang langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan pencapaian pelajar;



6. Melibatkan dalam aktiviti-aktiviti keugamaan yang dianjurkan oleh Sekolah, Jabatan atau Kementerian;
7. Menyelaraskan dan melaksanakan program pendidikan di peringkat Sekolah, Jabatan dan Kementerian termasuk kurikulum dan aktiviti kokurikulum;
8. Mengikuti pembangunan profesionalisme guru termasuk kursus, bengkel dan seminar bagi meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran;
9. Menjadi mentor dalam aktiviti kokurikulum bagi pelajar dalam membantu mereka mengembangkan bakat dan kemahiran tambahan; dan
10. Lain-lain tugas dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa.